

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 1 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

6.1 Tindakan Bagi Menentukan Risiko dan Peluang

6.1.1 Penentuan Risiko dan Peluang

Dalam perancangan SPK, Pengurusan atasan UTMDigital menentukan risiko dan mitigasinya dan melaksanakan peluang, berdasarkan kepada isu-isu dalaman dan luaran termasuk isu strategik berkaitan dengan usaha merealisasikan perancangan strategik dan prestasi utama Universiti dan UTMDigital (Rujuk Sub-Klausa 4.1 & Lampiran MK01-02 dan Identifikasi Risiko dan Peluang), serta keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan (Rujuk Klausa 4.2 & Lampiran MK01-02 dan Identifikasi Risiko dan Peluang). Semua risiko dan peluang UTMDigital didokumenkan dalam *Dashboard* Risiko dan *Dashboard* Peluang. Penentuan risiko dan peluang ini dibuat bertujuan:

- Menjamin sistem aplikasi Universiti, operasi infrastruktur, kemudahan ICT, khidmat sokongan teknikal, data dan lain-lain **Perkhidmatan ICT** yang berprestasi tinggi, boleh dipercayai, kebolehcapaian secara berterusan, kapabiliti sistem aplikasi/infrastruktur yang tinggi, mengelakkan ancaman dan serangan penggadam, mencegah ketidakbolehfungsi infrastruktur, dan lain-lain hasil SPK yang ditetapkan.
- Mengukuhkan kesan yang diinginkan dari aspek mengekalkan *up-time* perkhidmatan, kelajuan rangkaian, saiz *storage*, kebolehfungsi infrastruktur, integrasi sistem, penggunaan teknologi terkini, dan sebagainya.
- Mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak dirancang seperti ancaman dan serangan penggadam, kegagalan infrastruktur, bebanan rangkaian, ketidakcukupan storan, ketidaklancaran upacara Universiti, operasi pelanggan terjejas, ketidaktepatan data dan sebagainya.
- Mencapai penambahbaikan berterusan SPK, sistem aplikasi Universiti, infrastruktur (*server*, rangkaian, peralatan, perisian, *storage*, rangkaian, fasiliti, dll), kemudahan ICT, Data dan kualiti keseluruhan penyampaian **Perkhidmatan ICT**.

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 2 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

6.1.2 Pengurusan Risiko dan Peluang

Pengurusan risiko dan peluang di Para 6.1.1 diatas hendaklah melibatkan:

- a. Tindakan atau langkah-langkah yang perlu diambil bagi menentukan risiko dan peluang UTMDigital dengan cara:
 - i. Menentukan proses, projek dan **Perkhidmatan ICT** dan Bahagian/Unit yang terlibat dengan pengendalian risiko dan peluang.
 - ii. Membangunkan parameter risiko dan peluang UTMDigital dari aspek impak dan kebarangkalian.
 - iii. Menentu dan mengkaji:
 - Isu-isu dalaman dan kesannya terhadap kemungkinan risiko dan peluang (Rujuk Identifikasi Risiko dan Peluang) dalam pembangunan projek ICT dan penyampaian **Perkhidmatan ICT**.
 - Isu-isu luaran (Termasuk analisis PESTLE) dan jangkaan pelanggan serta pihak berkepentingan (Rujuk Identifikasi Risiko dan Peluang) termasuk perubahannya, dan ‘peluang’ dan ‘ancaman’ atau kemungkinan risiko dalam pembangunan projek dan penyampaian **Perkhidmatan ICT** berprestasi tinggi.
 - Impak kedua-dua isu kepada SPK dari aspek penyempurnaan fungsi UTMDigital, risiko yang mungkin terjadi dan peluang yang boleh dilaksanakan.
 - iv. Menentukan potensi risiko, deskripsi, punca dan akibat risiko. Risiko juga dikenal pasti berdasarkan peluang yang dilaksana dan kemungkinan terjadi risiko (Rujuk *Dashboard* Peluang UTMDigital). Manakala peluang dalam pelaksanaan SPK boleh melibatkan penggunaan teknologi IR4.0, *mobile*, *cloud*, integrasi sistem, pengenalan **Perkhidmatan ICT** baru, penggunaan infrastruktur terkini, praktis terbaik, dan sebagainya.
 - v. Menganalisis peluang dan risiko dengan menentukan:
 - Impak (menggunakan kriteria risiko relevan dan paling signifikan atau purata/saiz selang sekala) dan

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 3 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

kebarangkalian risiko terjadi (rujuk Parameter Risiko) dan seterusnya menentukan tahap risiko kasar.

- Impak peluang terhadap SPK dan kebarangkalian ia terjadi (Rujuk *Dashboard* Peluang).
- vi. Mengenalpasti kawalan dalaman semasa untuk mengawal risiko dan menentukan keberkesanannya (Berkesan, Perlu Penambahbaikan, Tidak berkesan).
 - vii. Menilai semula tahap risiko (kasar), menentukan risiko (*residual*), tahap risiko bersih dan profil risiko (*residual*).
 - viii. Membangun pelan mitigasi risiko dan melaksana peluang (peluang dan risiko tahap tinggi dan ketara perlu diambil tindakan segera). Pelan mitigasi risiko melibatkan:
 - Strategi mitigasi samada mengelak, mengurangkan kebarangkalian, impak dan tahap risiko, mengambil risiko untuk peluang, memindahkan risiko, perkongsian risiko, atau pengekalan risiko yang boleh diterima atau risiko rendah (risiko ini boleh dikawal melalui penerusan kawalan semasa).
 - Menentukan tahap sasaran risiko.
 - Menentukan kawalan tambahan, tarikh mula dan akhir serta staf bertanggungjawab.
 - ix. Plan pelaksanaan peluang hendaklah menunjukkan tindakan merebut peluang, tarikh mula dan akhir dan staf bertanggungjawab melaksanakannya.
 - x. Menyediakan rumusan risiko mengikut tahap dan kategori risiko untuk penambahbaikan, membuat keputusan dan perbandingan.
- b. Pengendalian risiko dan peluang dengan cara:
- i. Mengintegrasikan, melaksana pelan kawalan risiko, dan tindakan merebut peluang dalam projek dan **Perkhidmatan ICT** (Rujuk Sub-Klausa 4.4, *Dashboard* Risiko dan *Dashboard* Peluang).
 - ii. Menilai keberkesanan tindakan merebut peluang dan mitigasi/kawalan tambahan risiko untuk menjamin peluang dapat dilaksanakan dengan lancar dan risiko dapat dikawal

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 4 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

sekurang-kurangnya setahun sekali supaya semua perancangan SPK dicapai (Rujuk *Dashboard* Risiko dan *Dashboard* Peluang). Penilaian ini hendaklah melibatkan:

- laporan dan status pelaksanaan pelan mitigasi/tindakan merebut peluang
- keberkesanan mitigasi/tindakan dengan menentukan status tindakan mitigasi risiko sama 'Berkesan', 'Perlu Penambahbaikan' atau 'Tidak Berkesan'.
- penarafan semula risiko yang melibatkan:
 - penentuan tahap risiko baru (Tinggi, Ketara, Sederhana, Rendah).
 - mana-mana kawalan tambahan yang relevan dan kekal dilaksanakan, dikemaskini menjadi kawalan semasa.
 - bagi risiko yang rendah dan status tindakan mitigasi 'Berkesan', risiko ini boleh dikeluarkan dari Dashboard sekiranya kekal rendah selama dua tahun berturut-turut (dari daftar risiko atau dari penarafan semula).
- bagi risiko sederhana, ketara dan tinggi atau status kawalan tambahan kurang berkesan atau perlu penambahbaikan, pelan mitigasi risiko baru (kawalan tambahan) hendaklah disediakan.

Penentuan risiko dan peluang di Para 6.1.2 mestilah melibatkan magnitud potensi impak risiko dan peluang ke atas kewangan (Bajet tahunan UTMDigital dan/atau Kos Projek), kualiti dan pematuhan operasi & perkhidmatan, reputasi, akibat risiko/gangguan operasi pelanggan (Rujuk Parameter Risiko). Bagi peluang, magnitud impak adalah kewangan (Penjanaan atau penjimatan) dan impak bukan kewangan iaitu reputasi, pembaikan produk ICT, kualiti operasi dan perkhidmatan ICT (Rujuk Parameter Peluang).

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 5 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

6.2 Objektif Kualiti dan Perancangan Mencapainya

6.2.1 Membangunkan Objektif Kualiti

Pengurusan atasan UTMDigital dan JKIR membangunkan Objektif Kualiti meliputi pelbagai peringkat pengurusan dan semua fungsi/proses/**Perkhidmatan ICT**. Objektif kualiti yang dibangunkan didokumenkan di Lampiran MK05-01 UTMDigital. Semua objektif kualiti UTMDigital mestilah:

- Konsisten dengan Dasar Kualiti dan Pelan Strategik ICT.
- Boleh diukur.
- Mengambil kira kehendak staf, pelajar, pengurusan UTM dan PTj, Admin, pemilik dan lain-lain pelanggan serta pihak berkepentingan melalui penetapan objektif/prestasi bagi sistem aplikasi Universiti, projek ICT, operasi infrastruktur, kemudahan ICT, sokongan teknikal, data, pemantauan operasi dan lain-lain perkhidmatan yang berprestasi tinggi, boleh dipercayai, kebolehcapaian secara berterusan, kapabiliti sistem aplikasi/infrastruktur yang tinggi, serta kepatuhan **Perkhidmatan ICT** dan lain-lain keperluan SPK.
- Relevan dan mempunyai impak terhadap kepentingan menawarkan produk dan penyampaian **Perkhidmatan ICT** berprestasi tinggi, perkembangan teknologi, kelestarian kewangan dan pengukuhan kepuasan pelanggan.
- Dipantau, dilapor pencapaiannya (Rujuk Indeks Prestasi UTMDigital) dan dinilai kesesuaiannya dalam JKIR dan/atau MSP.
- Dikomunikasi dan dihayati oleh semua staf melalui kaedah di Para 7.4.
- Dipinda atau dikemas kini dari masa kesemasa supaya relevan dengan perubahan isu-isu dalaman dan luaran, hala tuju UTMDigital serta keberkesanan SPK.

Maklumat berdokumen berkaitan Objektif Kualiti disediakan dalam Lampiran MK05-01 UTMDigital.

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 6 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

6.2.2 Perancangan Mencapai Objektif Kualiti

Pengurusan atasan UTMDigital merancang usaha mencapai objektif kualiti yang dibangunkan di Para 6.2.1. Perancangan mencapai objektif kualiti ini didokumenkan di Lampiran MK06-01 UTMDigital yang menunjukkan:

- Inisiatif yang perlu diambil untuk mencapai Objektif Kualiti UTMDigital.
- Sumber (Kewangan, peralatan, sumber manusia dan lain-lain) yang diperlukan untuk melaksana inisiatif dan tindakan mencapai objektif.
- Staf bertanggungjawab bagi setiap objektif dan inisiatif yang akan diambil.
- Masa/tarikh tindakan/inisiatif dan/atau objektif kualiti akan dilaksana/dicapai.
- Kaedah analisis pencapaian dan hasil objektif kualiti termasuk penilaian impaknya kepada SPK serta tindakan yang perlu diambil seterusnya (Rujuk Laporan Indeks Prestasi UTMDigital dan MSP).

6.3 Perancangan Perubahan

6.3.1 Pengurusan atasan UTMDigital dan JKIR memastikan setiap perubahan SPK dibuat secara sistematik dan terancang bagi mengekalkan kelancaran operasi pelanggan, penerusan ketersediaan dan akses kepada perkhidmatan, pengekalan kualiti infrastruktur, atau mengelakkan kesan tidak diingini seperti gangguan operasi, kelajuan rangkaian terjejas, kawalan keselamatan ICT yang mudah dicerobohi atau digodam, dan sebagainya. Perubahan kepada proses-proses SPK (Rujuk Sub-Klausu 4.4) boleh melibatkan:

- Perubahan kepada sistem operasi Universiti, projek ICT, infrastruktur dan sebagainya berdasarkan kepada pindaan dasar, permohonan pelanggan, hasil pengujian (*user acceptance test* dan *final acceptance test*), verifikasi atau validasi Jawatankuasa bersama pelanggan, penambahbaikan yang diperlukan, langkah penjimatan, atau kajian keperluan **Perkhidmatan ICT**.
- Perubahan isu-isu dalaman dan luaran, jangkaan pelanggan dan pihak berkepentingan dan impaknya kepada SPK dari aspek halatuju/matlamat strategik UTMDigital, Dasar, Objektif, Risiko dan

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA UTMDIGITAL, UTM	MANUAL KUALITI: SEKSYEN 6 - PERANCANGAN		
	ID DOKUMEN: MK/UTM/UTMDIGITAL/02 - 2019/2020	MUKA SURAT	: 7 DARI 7
		MOD	: 3
		TARIKH MOD	: 17 Jan 2025

Peluang baru, perkongsian ilmu, latihan dan sebagainya (Rujuk Identifikasi Risiko dan Peluang).

- c. Tindakan yang diambil untuk mengekalkan integriti SPK dan kualiti penyampaian **Perkhidmatan ICT**, antaranya melalui:
 - i. Perancangan strategik, KAI UTMDigital dan Pelan Global Universiti, UTM enVision.
 - ii. Perubahan Polisi ICT, Blueprint ICT, peraturan dan objektif kualiti UTMDigital.
 - iii. Pengukuhan sistem aplikasi, infrastruktur dan fasiliti sedia ada.
 - iv. Komunikasi dengan staf, pelajar dan lain-lain pihak berkepentingan mengenai perubahan yang dibuat.
 - v. Kemaskini proses dan interaksi proses utama **Perkhidmatan ICT**.
 - vi. Identifikasi peluang dan risiko baru yang perlu diuruskan.
 - vii. Perkongsian ilmu dan latihan untuk meningkatkan kompetensi, menghebahkan perubahan dan kesannya kepada staf, pelajar dan lain-lain pelanggan, prosedur baru, mengelakkan kesilapan staf dalam melaksana dan mengurus **Perkhidmatan ICT**.
 - viii. Perubahan dan kemaskini dokumen SPK meliputi Manual Kualiti, prosedur kerja, arahan kerja, dokumen rujukan dan sebagainya.

6.3.2 Dalam melakukan perubahan SPK, Pengurusan atasan UTMDigital mengambil kira:

- a. Tujuan perubahan dan kesannya kepada SPK dari aspek perbezaan sistem operasi Universiti, operasi infrastruktur, peningkatan prestasi rangkaian, penggunaan teknologi digital terkini dan kaedah baru storan, dan sebagainya.
- b. Integriti SPK dan kecekapan penyampaian **Perkhidmatan ICT**.
- c. Kecukupan dan ketersediaan sumber kewangan, manusia, peralatan dan kemudahan fizikal untuk melaksana perubahan.
- d. Tanggungjawab dan bidang kuasa untuk menyokong perubahan termasuk penetapan semula tugas dan tanggungjawab staf kesan daripada perubahan yang dilaksanakan.

MATRIKS OBJEKTIF KUALITI SPK ISO 9001:2015 UTMDIGITAL DAN PERANCANGAN MENCAPAINYA

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)
A	OBJEKTIF UTMDIGITAL ADALAH BERFOKUSKAN KEPADA PELANGGAN 1.0 FOKUS PELANGGAN 1.1 KUALITI PERKHIDMATAN 1.1.1 Indeks kepuasan pelanggan $\geq 80\%$ 1.1.2 <i>Security incidents denied – High & Severe Attack Protected $\geq 99\%$</i>	Pemeriksaan penyampaian perkhidmatan ICT dengan teknologi AI dan Cloud 1. Isolasi terhadap aplikasi dan sistem pengoperasi dan menaiktaraf patch yang terkini dan menginstall Endpoint Secure. 2. Meneruskan kerja-kerja instalasi 203 endpoint security (EDR) pada server-server yang masih belum diinstall. 3. Menambah pemantauan ke atas 73 server licenses yang masih belum dipantau oleh CyberGuardian.	Bajet Mengurus/ Pembangunan UTMDigital 2025	Jan 2026 Disember 2025	Pengurusan UTMDigital, DDA (DIGITALCARE), DDS

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)
		4. Sistem keselamatan rangkaian telah dinaiktaraf menggunakan teknologi Network Detection and Response (NDR) yang merangkumi komponen Cyber Command, Cyber Guardian, Web Application Firewall dan Endpoint Secure.			
	1.1.1 <i>System availability $\geq 98\%$</i>	Mengimplementasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan berasaskan AI dan Data Analytic (50% penggunaan) menerusi Omni channel service delivery dan pelaksanaan PSP	Bajet Mengurus/ Pembangunan UTMDigital 2025	Disember 2025	DDA
	1.2 KHIDMAT PELANGGAN:				
	1.2.1 Permohonan Kemudahan ICT – 100% mengikut SLA Kemudahan Perkhidmatan ICTUTMDigital	Menggunakan Sistem SISPA	Bajet Pelanggan	Jun 2025 Jan 2025	DDA
	1.2.2 Khidmat sokongan teknikal $\leq 5\%$ gangguan	Video conferencing dan peralatan ICT sedia ada	Bajet UTM	Berterusan	DDA

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)																		
	1.3 PENGURUSAN MAKLUMBALAS PELANGGAN 1.3.1 Masa penyelesaian Aduan (Hari/Jam Bekerja) <table><tr><td>DDA – CRM – CRM / DDI / DDA (DC) / DDS / URUSETIA</td><td colspan="2">DDA – Data</td><td colspan="2">DDA – UTMWiFi</td></tr><tr><td rowspan="3">≤ 5 Hari</td><td>P1</td><td>≤ 8 Jam</td><td>P1</td><td>≤ 4 Jam</td></tr><tr><td>P2</td><td>1 - 3 Hari</td><td>P2</td><td>≤ 10 Jam</td></tr><tr><td>P3</td><td>> 3 - 7 Hari</td><td>P3</td><td>≤ 48 Jam</td></tr></table>	DDA – CRM – CRM / DDI / DDA (DC) / DDS / URUSETIA	DDA – Data		DDA – UTMWiFi		≤ 5 Hari	P1	≤ 8 Jam	P1	≤ 4 Jam	P2	1 - 3 Hari	P2	≤ 10 Jam	P3	> 3 - 7 Hari	P3	≤ 48 Jam	Menggunakan Sistem SISPAA Kemaskini SOP pengurusan aduan melalui SISPAA, Bizkrack & ClickUp		Jan 2025 Jan 2025	
DDA – CRM – CRM / DDI / DDA (DC) / DDS / URUSETIA	DDA – Data		DDA – UTMWiFi																				
≤ 5 Hari	P1	≤ 8 Jam	P1	≤ 4 Jam																			
	P2	1 - 3 Hari	P2	≤ 10 Jam																			
	P3	> 3 - 7 Hari	P3	≤ 48 Jam																			
B	2.0 PENGURUSAN PROJEK ICT UNTUK TRANSFORMASI DIGITAL YANG EFEKTIF 2.1 Pematuhan spesifikasi teknikal 100%	Pemantauan berterusan PMO dan laporan status projek	Bajet projek ICT	Berterusan	DDS																		

LAMPIRAN MK06-01 UTMDIGITAL

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)
	2.2 Penyempurnaan projek mengikut masa 80% 2.3 Pemantauan projek mengikut “<i>deliverable</i>” 100%	Pengurusan risiko projek Penggunaan sistem Click-Up termasuk pemantauan dan penilaian pembekal			
C	3.0 PROFESIONAL DIGITAL BERINOVATIF 3.1 Staf UTMDigital mengikuti program pembangunan kepakaran digital 80%	Membangunkan kompetensi staf dalam bidang ICT, <i>Data Science</i>, <i>Data Analytics</i> dan pakej latihan di bawah PSP Menghasilkan <i>predictive analytics</i> Melahirkan pakar/SME dalam bidang AI, <i>Cloud Computing</i> dan PSP	Bajet Mengurus UTMDigital Bajet latihan Pejabat Pendaftar	Januari 2025 – Disember 2027	PP PEG. TEK. MAKLUMAT DDS
D.	4.0 KUALITI OPERASI & PERKHIDMATAN DIGITAL ICT 4.1 Kemudahan ICT 100% mengikut piawaian kemudahan ICT	Semakan dan pengujian kemudahan ICT sebelum diserahkan kepada	-	Berterusan	DDA

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)
	4.2 Prestasi Perkhidmatan ICT: a. <i>Threshold server, storage</i> dan peralatan Pusat Data - 80% tahap penggunaan b. Parameter rangkaian - < 90% penggunaan <i>Bandwidth</i> c. <i>Backup</i> dan <i>restore</i> – 100% d. Pelaksanaan <i>Disaster Recovery</i> – 100% e. Keselamatan sistem – 100% memenuhi spesifikasi keselamatan UTMDigital	pelanggan termasuk pemantauan semasa upacara / sidang. Perlaksanaan inisiatif dalam Pelan Strategik Pendigitalan UTM (PSP 2024-2028) termasuk Pusat Data, Parameter rangkaian, <i>backup</i> dan <i>restore</i>, <i>disaster recovery</i>, dan keselamatan sistem	Bajet PSP 2024-2028	2024-2028 Mengikut PSP	DDA
E	5.0 KELESTARIAN UTMDIGITAL 5.1 Perlaksanaan ≥ 85% inisiatif kelestarian perubahan iklim (<i>Climate Change</i>)	Perlaksanaan inisiatif Kelestarian UTMDigital termasuk perubahan iklim	Bajet mengurus UTMDigital	Jan 2025 - Disember 2025	PP Pengurus Lestari

LAMPIRAN MK06-01 UTMDIGITAL

BIL	OBJEKTIF KUALITI UTMDIGITAL	INISIATIF/TINDAKAN STRATEGIK (6.2.2a)	SUMBER YANG DIPERLUKAN (BAJET, STAF, FASILITI DLL) (6.2.2 B)	PELAKSANAAN (MASA)/OBJEKTIF DICAPAI (6.2.2 D)	TANGGUNGJAWAB (6.2.2 C)
		negara mengikut Sustainability Blueprint UTM 2030 (SPA1-SPA7) Program Kesedaran Dasar Perubahan Iklim Negara dan impak kepada perkhidmatan digital.	Baget mengurus UTMD	Jun 2025	Green Manager UTMD